

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (24)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2021-2022)  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**Tarikh** : 26 Februari 2020 (Jumaat).  
**Masa** : 10.00 Pagi – 11.28 Pagi.  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

1. **DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. **TAYANGAN VIDEO**

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Januari dan Februari 2021.

3. **PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pertama kali di dalam tahun 2021. Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang dilantik sama ada yang lama atau yang baharu. Semoga dengan adanya gabungan Ahli Majlis lama dan baharu MBPJ tetap unggul sebagai PBT pertama yang menerajui segala bentuk pembaharuan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan program dan perkhidmatan.



Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan yang tinggi. Beliau juga mengharapkan agar tanggungjawab yang digalas dapat dipertingkatkan seiring dengan visi dan misi Majlis.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Oleh yang demikian, beliau memohon kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik buat warga Petaling Jaya dan dalam masa yang sama menggalakkan pelanggan berurusan secara dalam talian. Informasi lanjut boleh dilayari di laman portal Majlis di pautan [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

### **3.1 MEMPERKASA KECEKAPAN SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM**

Perkembangan dunia globalisasi telah membentuk hala tuju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk Kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”.

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memperkukuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian Kerajaan. Malah, keperluan kepada transformasi, inovasi dan digitalisasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Sistem penyampaian perkhidmatan perlulah menekankan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum mahupun komuniti perniagaan.

Cabaran dalam menangani penularan pandemik Covid-19 tidak akan sama sekali menghalang usaha memperkasa sektor awam yang menjadi satu daripada agenda utama kerajaan dalam memastikan sistem perkhidmatan cekap yang berterusan, telus, dan mesra rakyat. Kini, terletak di bahu penjawat awam untuk bersama-sama membudayakan norma baharu dalam gerak kerja agar perkhidmatan yang ditawarkan akan tetap disampaikan secara efektif dan tuntas kepada golongan sasaran di samping dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan jabatan.



Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan rakyat termasuk juga pemaju, peniaga dan pelabur, maka perkhidmatan PBT akan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan teknologi dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam Kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat akan menjadi realiti.

Kita yang berkhidmat di PBT juga perlulah memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran Kerajaan, kerana imej sesebuah PBT turut menggambarkan imej Kerajaan. Sebagai agensi barisan hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mempunyai impak langsung kepada kualiti hidup rakyat dengan memberikan mutu perkhidmatan yang cemerlang.

Justeru, inovasi dan kreativiti hendaklah sentiasa menjadi budaya kerja MBPJ agar usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ia amat penting bagi PBT menambah nilai modal insan dan memperkasa tadbir urus organisasi.

### **3.2 PENJAWAT AWAM BERINTEGRITI TINGGI ASET NEGARA**

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, elemen integriti perlu diberi keutamaan yang tertinggi untuk diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, integriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk pasukan yang membudayakan kerja yang berprestasi tinggi.

Sebagai PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian dan perkhidmatan kepada masyarakat. Menerusi Bajet 2021 MBPJ, pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam akan disediakan demi kemudahan dan keselesaan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemas kini mengikut peredaran masa dan kecanggihan teknologi maklumat.

Pembudayaan tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain penggunaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai sekiranya pengurusan tertinggi Majlis meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi Majlis.



Majlis Bandaraya Petaling Jaya turut menyambut baik dan memberi sokongan yang jitu terhadap program 'PBT Perangi Pemberi Rasuah' bersempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 yang telah dikelolakan oleh SPRM bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Selangor pada 9 Disember tahun lalu.

Justeru, beliau berharap agar seluruh kakitangan Majlis sentiasa bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa berganding bahu dalam apa jua keadaan berpaksikan nilai-nilai murni sebagai pemangkin ke arah mutu kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi.

### 3.3 PERKHIDMATAN 'PJ BOOKS ON WHEELS'

Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan kakitangan dan masyarakat terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menyediakan perkhidmatan tempahan buku secara dalam talian ('online').

Perkhidmatan yang dinamakan 'PJ Books On Wheels' ini menggunakan platform 'Google Forms' sebagai medium untuk tempahan buku secara 'online'. Tempahan buku ini boleh menggunakan pautan di link <https://forms.gle/Hjo1rrKppZpMrHDe9> atau melalui imbasan 'QR Code' yang disertakan.

Ahli perpustakaan yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan ini, perlu terlebih dahulu membuat pencarian dan pemilihan buku yang ingin dipinjam melalui Web Opac Perpustakaan di link berikut <http://www.mbpjlibrary.gov.my/ms/webopac>.

Buku-buku yang telah dipilih perlu dicatatkan di dalam 'google forms' berserta dengan maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Ahli diminta untuk membaca dan memahami terlebih dahulu terma dan syarat 'PJ Books On Wheels' yang ditetapkan oleh pihak Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.

Tempahan buku dalam talian adalah terhad untuk 10 buah buku sahaja bagi setiap ahli. Pihak perpustakaan akan menghubungi ahli untuk mengesahkan dan memaklumkan pengambilan bahan bacaan yang telah disediakan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh tempahan dibuat (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum) bermula jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang. Tiada perkhidmatan penghantaran disediakan oleh pihak Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya MBPJ. Walau bagaimanapun, ahli boleh menguruskan sendiri perkhidmatan penghantaran sekiranya tidak dapat datang ke perpustakaan dan segala kos perlu ditanggung sendiri oleh ahli.

Adalah diharapkan, melalui perkhidmatan dan kaedah yang ditawarkan ini, ianya akan terus menyemarakkan budaya membaca dalam



kalangan masyarakat walaupun berada dalam keadaan dan suasana norma baharu selain dapat mengurangkan risiko penularan virus Covid-19. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web rasmi Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.

### 3.4 **TEMPOH PERCUBAAN JALAN SEHALA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menukar aliran lalu lintas dua hala ke sehalu di sebahagian Jalan PJU 10/1 bermula Mac sehingga Jun 2021 secara percubaan selama tiga bulan. Sistem jalan sehalu ini akan bermula dari Jalan PJU 10/1 di persimpangan lampu isyarat berhampiran Sekolah Kebangsaan Damai 1, Damansara Damai PJU 10. Tujuan sistem jalan sehalu ini dilaksanakan adalah bagi mengurangkan kesesakan selain melancarkan pergerakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Dalam tempoh percubaan ini, Majlis akan memantau pergerakan trafik bagi melihat kecekapan dan tahap keselamatan di Jalan PJU 10/1 dan jalan sekitarnya. Untuk makluman, percubaan untuk melakukan jalan sehalu selama tiga bulan ini mendapat kerjasama yang baik daripada pengguna jalan raya dan penduduk di sekitar apabila Majlis tidak mendapat bantahan keras berdasarkan kajian dan notis pemberitahuan yang telah dilakukan.

Melalui tempoh percubaan ini, ianya dijangka dapat meningkatkan kapasiti jalan dan keselamatan di kawasan yang terlibat. Selain itu, tempoh percubaan ini dilihat dapat meredakan konflik lalu lintas di persimpangan, menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar sekolah dan dapat menentukan tahap 'level of service' (LOS).

Majlis akan menilai tahap keberkesanan selepas tempoh percubaan dilaksanakan selama tiga bulan ini berakhir. Jika semasa tempoh tersebut dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas selain mendapat maklum balas yang positif daripada pengguna jalan raya dan penduduk di sekitar, Majlis akan mempertimbangkan untuk dilaksanakan jalan sehalu ini secara kekal.

### 3.5 **KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA**

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 7/2021 adalah sejumlah 17 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 207 kes yang dilaporkan. Jumlah ini dilihat menurun sebanyak 39 peratus berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya iaitu 27 kes. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan. Manakala, bagi jumlah lokaliti wabak adalah sejumlah 5 lokaliti. Tiada wabak baru dilaporkan dan tiada lokalitii wabak tak terkawal dan lokaliti wabak 'hotspot' dicatatkan.



## Pembandingan Kes Demam Denggi Mingguan

TAHUN	Malaysia		Selangor		MBPJ		
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Kumulatif 2021	Mati
2021 (ME 7/2021)	Tiada Data		Tiada Data		17	207	0
2021 (ME 6/2021)	Tiada Data		Tiada Data		27	190	0
2020	86,406	140	42,795	37	3814		4
2019	130,101	182	72,317	56	7743		4

## Jumlah Kes Harian

Tarikh	14/02 /2021	15/02 /2021	16/02 /2021	17/02 /2021	18/02 /2021	19/02 /2021	20/02 /2021	Jumlah	Median
Jumlah Kes	0	1	2	2	4	5	3	17	2

## Aktiviti Kawalan Demam Denggi

BIL.	PERKARA	MINGGU EPID 7/2021	KUMULATIF 2020 (Epid 1-52) 2020
1	Bil. premis diperiksa	352	4,002
2	Bil. premis positif pembiakan Aedes	52	384
3	Bil. bekas positif pembiakan Aedes	746	3532
4	Bil. premis disembur	24,182	173,260
5	Bil. rumah dibunuh abate	386	4,194
6	Rumah Kedai Setingkat	10	66
7	Rumah Kedai 2/3 Tingkat	0	14



BIL.	PERKARA	MINGGU EPID 7/2021	KUMULATIF 2020 (Epid 1-52) 2020
8	Sekolah / Tadika / Kolej	1	7
9	Tapak Semaian / Nurseri	0	1
10	Kompleks Perniagaan	0	0
11	Rumah Kongsi	0	0
12	Tumpuan Awam	0	0
13	Tapak Binaan	0	1
14	Tempat Pembuangan Sampah	42	266
15	Tanah / Lot Kosong	47	274
16	Kilang	0	0
17	Pejabat Kerajaan	0	3
18	Tanah Perkuburan	0	0
19	Kemudahan Kesihatan	0	0
20	Projek Rumah Terbengkalai	0	12
21	Taman Permainan / Rekreasi	26	171
22	Tempat Ibadat	2	23
23	Tempat Letak Kereta	13	70
24	Pusat Penyimpanan Barang Lusuh	0	0
25	Dewan Majlis / Balai Raya	0	0
26	Pasar Awam / Gerai Majlis	0	0

### Aktiviti Pendidikan Kesihatan

Bil.	PERKARA	MINGGU EPID 7/2021	KUMULATIF 2020 (Epid 1-52) 2020
1	Bil. risalah diedar	829	6,467
2	Bil. poster diedar	64	402
3	Ceramah / Taklimat Ringkas	0	0
4	Pameran	0	0
5	Gotong - royong / SEDAR	0	0



4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 11 Tahun 2020 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 18 Disember 2020 disahkan tanpa pindaan.

4.2 **MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)**

4.1.2 Minit Mesyuarat Khas Majlis Bilangan 1 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 11 Januari 2021 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:**

5.1 **LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA PADA 18 DISEMBER 2020.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.5.1	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 DISEMBER 2020.</b></p> <p>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam diminta untuk memberikan taklimat kepada peniaga-peniaga yang akan dilantik di Pasar Seri Setia bagi memastikan mereka membuang sampah dengan cara pengasingan sampah bagi tujuan pengkomposan di tempat yang betul.</p>	<p>Pihak Jabatan telah berjumpa Ahli Majlis Zon 20, En. Ong Yew Thai dan bersetuju untuk mengadakan taklimat kepada peniaga-peniaga yang akan di lantik di Pasar Seri Setia bagi memastikan mereka membuang sampah dengan cara pengasingan sampah bagi tujuan pengkomposan di tempat yang betul. Namun, taklimat tersebut terpaksa ditangguhkan</p>





		memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 dikuatkuatkan bermula 13 sehingga 26 Januari 2021. Taklimat tersebut akan dirancang semula dan dilaksanakan selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.
--	--	---

**5.2 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JANUARI 2021.**

<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
2.1.3 b)	Pelan pembahagian kawasan Ahli Majlis penggal 2021/2022 seperti di Lampiran B.	Jabatan Khidmat Pengurusan telah menerima surat daripada Ketua Whip bertarikh 18 Januari 2021 berkaitan pertukaran zon Ahli Majlis dan tindakan telah diambil ke atas pertukaran tersebut seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Puan Norah binti Mansor bertukar ke Zon 17.</li> <li>b) Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik bertukar ke Zon 18.</li> </ul>

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 5 FEBRUARI 2021 DAN 18 FEBRUARI 2021.**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (58))**

**(RUJ: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (60))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 22 DISEMBER 2020, 27 JANUARI 2021 DAN 8 FEBRUARI 2021.**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (112))**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (114))**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (116))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Perolehan), MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 9 FEBRUARI 2021.**

**RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (80)**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan ejaan nama Ahli Majlis Rahibah bagi perkara 7.2 b) di muka surat 11 iaitu:

b). Puan Rahibah binti Che Omar memohon...

Tambahan ayat bagi perkara 7.6 c) di muka surat 13 iaitu:

c). Beliau turut mencadangkan Majlis memberi peruntukan sebanyak RM2,000.00 kepada Pembantu Ahli Majlis bagi mendapatkan rawatan di Klinik Panel Majlis dengan menggunakan peruntukan Majlis.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 10 FEBRUARI 2021.**



(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (59))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Tambahan minit bagi perkara 6.2.2 b) perenggan akhir seperti berikut:

...diminitkan sebagai turut hadir dan bukan ahli tetap serta elaun kehadiran akan dibayar berdasarkan jemputan tersebut.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 11 FEBRUARI 2021.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2 (53))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 11 FEBRUARI 2021.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (145))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 15 FEBRUARI 2021.**  
RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (57))

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.**

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 16 FEBRUARI 2021.** (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (56))



6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.3.1 a). dan b) di muka surat 30 iaitu:

- a) Beliau meminta supaya bebendul jalan dipotong di Persimpangan Jalan SS 20/3, Petaling Jaya...
- b) Beliau meminta supaya majlis mencari penyelesaian yang terbaik dan efektif serta membuat kajian mengenai keadaan yang menyebabkan banjir di Jalan SS 20/6, Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 16 FEBRUARI 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (84))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Tambahan bagi perkara 4.1.2 di muka surat 7 iaitu:

- b) Mesyuarat turut memutuskan agar jabatan menyelaraskan satu perjumpaan di antara Syarikat KDEB dengan Ahli Majlis bagi perbincangan selanjutnya.

Pindaan bagi perkara 7.3 di muka surat 13 iaitu:

7.3.1 ...di padang SS20/5 dan meminta agar menyelesaikan masalah tersebut dan dibuat `retention channel' di bawah padang dan sistem longkang disekeliling padang.

7.3.3 Beliau turut mengemukakan pertanyaan berkenaan maklumbalas aduan bunyi bising `blower' di Taman Awam Jalan SS22/35 yang...

**Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.**

6.9.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:

- a) Isu berkaitan kutipan sampah di kawasan perumahan kos rendah yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fuie Koh. Beliau meminta agar majlis mengambil tindakan ke atas



lori yang diletakkan di kawasan perumahan yang menghalang kebuk sampah.

Encik Derek John Fernandez berpendapat adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan untuk mengalihkan kenderaan mereka bagi memudahkan kutipan sampah dibuat. JMB atau Persatuan Penduduk boleh membuat undang-undang untuk penduduk bagi memudahkan semua pihak. Majlis tiada kuasa untuk mengalihkan kenderaan yang diletakkan di kawasan perumahan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ,  
Pengarah Unit Pesuruhjaya Bangunan, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 FEBRUARI 2021.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (96))**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.2.1 a) di muka surat 9 seperti berikut:

- a) ...berkenaan keperluan pengesahan cop daripada pembekal setiap kali di dokumen...

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 23 FEBRUARI 2021.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (65))**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.**

**7. UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN NORAH BINTI MANSOR**



Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap.

#### 7.1.1 Isu Kebakaran

Beliau memaklumkan bahawa telah berlaku satu kebakaran di Gudang Perabut Hj. Goha yang beralamat di No. 29, Jalan PJS 3/1, Taman Medan pada 10 Februari 2021. Hasil siasatan didapati

- i) Pengusaha gudang tidak mempunyai lesen perniagaan dan insuran.
- ii) Sebuah kenderaan MYVi milik orang awam yang diparkir di tempat letak kereta berdekatan dengan gudang turut terbakar dan pemilik gudang tidak mahu membayar ganti rugi dan sekiranya ingin menuntut hendaklah membuat tuntutan di Mahkamah.

Apa yang ingin dibangkitkan oleh beliau adalah:

- i) Adakah Majlis membuat pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan ke atas premis atau gudang di dalam kawasan industri yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sebagaimana Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007, Bahagian 2 Perkara 3.
- ii) Adakah majlis membuat inventori terhadap mana-mana bangunan gudang dan kelengkapan yang seharusnya dipatuhi terhadap mana-mana bangunan gudang dan kelengkapan yang seharusnya dipatuhi oleh pengusaha seperti kelengkapan dari segi kebakaran, pintu keluar/masuk mengikut prosedur bomba kerana salah satu kriteria di dalam permohonan lesen adalah kelulusan daripada pihak bomba.
- iii) Dari segi kewarganegaraan pengusaha adalah bukan warganegara, pekerja bukan warganegara. Bagaimanakah penilaian dibuat ke atas sesuatu permohonan lesen sekiranya permohonan lesen dibuat ke atas jenis perniagaan yang dijalankan oleh pengusaha gudang. Merujuk kepada undang-undang kecil perkara 4(1) suatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen.



### 7.1.2 Rumah Kedai dijadikan tempat berniaga Warga Asing

Beliau memandang serius kerana semenjak kebelakangan ini banyak rumah kedai yang dijadikan tempat perniagaan warga asing yang menjual barangan runcit serta barang basah seperti ikan, ayam dan sayur. Peniaga ini turut menggunakan siar kaki untuk memotong ayam, ikan dan sebagainya. Perkara ini akan mengakibatkan persekitaran yang kotor. Sebagai contoh kedai yang dimiliki oleh peniaga warga Pakistan di Taman Medan.

Beliau berharap agar majlis membuat penguatkuasaan seperti lesen, pendaftaran SSM, pengendalian operasi, pembuangan sisa aktiviti. Perkara ini bukan sahaja tertumpu kepada peniaga warganegara asing akan tetapi juga warganegara yang berniaga secara kecil-kecilan di tepi jalan.

Penilaian terhadap tindakan perlu dibuat demi memberikan perkhidmatan terbaik dan memberi keadilan sama rata kepada semua.

### 7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN AZLINDA BINTI AZMAN

Beliau mengucapkan salam dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang menerima beliau sebagai warga kerja MBPJ walaupun setahun 1 bulan. Setelah 19 tahun berkhidmat di Negeri Selangor, beliau akan bertukar ke Putrajaya mulai 1 Mac 2021. Terima kasih di atas perkongsian pengalaman dan kepakaran sepanjang bertugas di MBPJ. Sebagaimana yang diketahui MBPJ mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam semua bidang. Banyak perbincangan dan pergaduhan serta teguran demi mencapai keputusan terbaik. Beliau amat menghargai dan bersyukur kerana dapat bersama-sama menyumbang tenaga demi pembangunan Petaling Jaya.

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa Puan TDB tidak dapat merasa kesibukan sebenar MBPJ memandangkan beliau hadir semasa Pandemik Covid-19.

YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan tahniah dan syabas kepada Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Puan Hajah Azlinda Binti Azman yang akan mula bertugas di tempat baru di Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi.

YBhg. Datuk Pengerusi mengenali Puan Hajah sebelum beliau bertugas di MBPJ



**SULIT**

lagi. Sama-sama berkursus walaupun tidak begitu rapat dan berjumpa semula di MBPJ untuk berkhidmat bersama-sama.

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih tidak terhingga di atas segala jasa, pimpinan, khidmat bakti dan curahan idea yang bernas selama menabur khidmat di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Beliau percaya, segala bentuk pandangan, lontaran idea Puan Hajah adalah demi memastikan visi dan misi serta pengurusan dan perkhidmatan Majlis akan terus maju dan merangkul sebanyak mungkin kecemerlangan dan kejayaan di hari-hari mendatang.

Untuk pengetahuan semua, ironinya Puan Hajah telah mencatat sejarah yang tersendiri di MBPJ. Puan Hajah merupakan wanita pertama yang dilantik untuk menjawat jawatan Timbalan Datuk Bandar sejak Majlis Bandaraya Petaling Jaya diisytiharkan status bandar raya pada 20 Jun 2006.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.28 pagi dan YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),  
Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 3 Mac 2021



**SULIT**



**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi  
D.P.M.S., S.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,  
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K., (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Anwar bin Nekhan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Leong Chee Cheng,  
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Loyis Anak Uding,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sakinah Bibi Nagoor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Rahibah binti Che Omar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Ng Yih Miin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Norah binti Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Chang She-Yun,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S., (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. Ybhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Encik Aznan bin Hj. Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar, – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin, – (Google Meet)  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohammad Faizal bin Mustafa, – (Google Meet)  
Wakil Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan, – (Google Meet)  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar, – (Google Meet)  
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,  
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Tee Tzu Fong,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Khairul Faiz bin Hairuddin, – (Google Meet)  
Wakil Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
19. Puan Sr. Hjh. Saliza binti Mohd. Masri, M.R.I.S.M,  
Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan),  
Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

**TURUT HADIR:**

1. Encik Abdul Hakim bin Khairuddin,  
Pegawai Penerangan,  
Unit Komunikasi Korporat (Perhubungan Awam).

**URUSETIA :**

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

